

## Statistik Penguasaan Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama

Suhana Abd Hamid  
Ahmad Marzuki Mohamad  
Azman Ahmad

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai  
Johor, MALAYSIA.

### Article Information

Received 13 March 2016  
Received in revised form  
30 Sept 2016  
Accepted 1 Dec 2016

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi meninjau keupayaan penguasaan tulisan Jawi dan punca kemerosotan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melibatkan 100 responden yang terdiri daripada murid darjah tiga dari 10 buah sekolah di sekolah agama. Analisis keseluruhan data soal selidik memperolehi nilai *alpha cronbach* 0.954 iaitu menunjukkan pengukuran tahap kebolehpercayaan tertinggi serta menepati kehendak kajian ini. Secara keseluruhan, dapatkan kajian mendapati bahawa; penguasaan tulisan Jawi melalui pembacaan dan penulisan berada pada tahap sederhana. Manakala punca kemerosotan penguasaan jawi didapati berpunca dari aspek minat, ibu bapa dan persekitaran. Berdasarkan hasil analisis kajian ini dapatlah difahami bahawa peningkatan penguasaan tulisan Jawi perlu diambil cakna oleh kepimpinan sekolah bagi menyediakan persekitaran yang boleh membantu mempertingkatkan prestasi murid

© Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Kata Kunci:* tulisan jawi, minat, keluarga, persekitaran

### Abstract

This study aims at investigating the students' capabilities in mastering Jawi and cause of the decline in the religion primary schools. This study used quantitative methods involving 100 respondents consisting of primary three students from 10 religious schools. The overall analysis of questionnaire data obtained Cronbach alpha values of 0.954, which showed the highest level of reliability and measurement meets the requirements of this study. Overall, the study found that; the level of Jawi mastery through reading and writing at a moderate level. While, the cause of students' decline in mastering Jawi is originated from the aspect of interests, parents, and the environment. Based on the analysis of this study it can be understood that, school leader play a role in the increasing dominance of mastering Jawi by providing good environment that will help student to improve their Jawi performance.

*Keywords:* Jawi, interests, family, environment

## PENGENALAN

Penguasaan Jawi amat penting dan menjadi ilmu terunggul yang perlu dikuasai dan dipelihara oleh seluruh masyarakat (Ahmad, 2009) supaya tidak hilang ditelan zaman dan sama berkembang setara dengan kemajuan negara (Hashim, 2006). Kewujudan tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab telah sampai ke Kepulauan Melayu (Rosila, 2007; Hashim, 2006) bersama-sama dengan kedatangan agama Islam yang dibawa dan didominasi oleh pedagang dari Tanah Arab dan mualigh Islam yang memasuki Sumatera Utara. Tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri, dan ditokok dengan 6 huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu *ca* (خ), *pa* (ف), *ga* (ض), *nga* (غ), *va* (ڻ), dan *nya* (ڻ). (Nik Rosila, 2007). Abd Rahman, (2008); Hashim, (2006); dan Awang (1989) menjelaskan bahawa tulisan Jawi tersebar dan berkembang di Kepulauan Melayu (Raffles, 1824) seiring penyebaran Islam sebagai agama rasmi di kawasan Selatan (Isahak dan Hassan (1994). Disokong oleh Hashim (2006), bahawa terdapat catatan pengembara China yang menyatakan pada tahun 55 H/674 M telah ada penempatan orang Islam di Sumatera Timur. Maka bermulalah perkembangan bahasa Melayu (Abd Rahman, 2008) dengan meminjam huruf-huruf Arab yang menyamai tulisan Jawi dan dimasukkan ke dalam Bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafadz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu (W. Marsden 1970) seperti perkataan **رسول, نبی, ملائكة الله، کلام** dan sebagainya (Amat, 1996).

Menyedari hal inilah pengajaran dan pembelajaran di sekolah sebagai institusi keilmuan perlu memandang serius tentang pendidikan Jawi. Kang (2012) dalam kajiannya mengatakan rakyat Malaysia kini lebih selesa dengan tulisan Rumi yang digunakan secara meluas oleh masyarakat berbanding tulisan Jawi dan didapati menjadi faktor Jawi disisihkan (Abdullah 2003). Di sokong oleh Wan Yahya (2006), bahawa penggunaan tulisan Rumi secara komersial telah mengenepekan fungsi tulisan Jawi yang mana ia menjadi keutamaan dalam semua manuskrip suatu ketika dahulu (Sayed Hassan, 2011). Menurut Azhar, (2007), sebelum kemerdekaan negara, dilaporkan bahawa ramai yang buta huruf sama ada tidak tahu membaca atau menulis tulisan Rumi tetapi mereka fasih menguasai Jawi dan celik al-Quran (Zaidi, 2001). Namun situasi kini adalah sebaliknya apabila rakyat mendominasi tulisan Rumi manakala tulisan Jawi tidak lagi menjadi tulisan pengantar bagi orang Melayu (Salmah, 2010)

Pendidikan di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor sememangnya berpaksikan tulisan Jawi sebagai modul utama (Hairuddin, 2011; Zaidi, 1999) selain memberi penekanan terhadap pengajian berasaskan al-Quran yang menggunakan bahasa Arab (Abdullah Sani, 2003). Koharuddin (2005) sependapat bahawa tulisan Jawi menjadi lambang bahasa Melayu turun temurun yang terangkum padanya kekayaan khazanah tradisi, kebudayaan, keunikian, kesusasteraan, dan falsafah bangsa yang wajar dipertahankan sepanjang zaman. Sementara Abd Rahman (2008) menyatakan bahawa identiti sebenar orang Islam ialah al-Quran, maka mengadaptasi aksara Arab dari al-Quran kepada aksara Melayu merupakan satu usaha menyisihkan identiti Islam tanpa disedari. Nik Rosila (2007) dalam kajiannya menegaskan bahawa murid-murid perlu menguasai Jawi untuk kemahiran al-Quran dan menjadi tanggungjawab guru di sekolah menyediakan pembelajaran proaktif dan menarik (Fatimah, 2006) selain peranan ibu bapa sebagai pihak yang lebih dekat dengan mereka (Tikah, 2002). Jelasnya Abd Rahman (2008) menegaskan, ibu bapa adalah insan yang paling rapat, sebagai model dan inspirasi kehidupan anak-anak.

## SOROTAN LITERATUR

Keprihatinan terhadap perkembangan tulisan Jawi menarik minat beberapa pengkaji bukan Melayu seperti Kang (2012) dari Pusan University of Foreign Studies, mula mengkaji tulisan Jawi sejak 1974 dan menganggapnya sebagai satu keunikan milik Malaysia (Zahira, 2006). Gang Sok (1990) juga mendapat dalam kajiannya bahawa tulisan Jawi membentuk identiti dan kekuatan jati diri bangsa Melayu (Rosila (2007). Ini membuktikan bahawa Jawi mendapat sokongan dan pengiktirafan melalui minat dan kecenderungan bangsa bukan Melayu. Manakala Tokoh Jawi termasyhur seperti Syeikh Mohamad Idris bin Abdul Rauf Al-Marbawi (10 Mei 1896 – 13 Oktober 1989) iaitu tokoh di dalam bidang persuratan bukan sahaja di Nusantara, malah di Mesir dan Makkah terutamanya di dalam bidang bahasa Arab, ilmu Hadith, Tafsir dan Fiqah juga Kamus Al-Marbawi yang terunggul sekali di Nusantara sehingga ke hari ini (Hashim, 2006). Sementara Pak Matlob atau nama sebenarnya Muhammad @ Mokhtar bin Talib juga giat dalam penulisan Jawi di Utusan Kanak-Kanak, Taman Kanak-kanak, Ruangan Pelajar, majalah, sisipan akhbar, dan penulisan skrip seperti “Mekarlah Mawar-Mekarlah Harapan”, “Batu Belah Batu Bersemah”, dan menghasilkan lebih daripada 30 buah cerpen serta 360 buah buku (Salmah, 2010).

Kerangka Teori Pembelajaran Behaviorisme diambil dalam kajian ini iaitu; Menurut ahli-ahli psikologi behavioral seperti Ivan Pavlov (1849-1936), John B. Watson (1878-1958), E. L. Thorndike (1874-1949) , dan B. F. Skinner (1904 -1990) menurut kajian Sa'don, (2003) bahawa pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang berlaku dalam diri seseorang individu yang disebabkan oleh pengalaman. Seseorang yang melalui proses pembelajaran akan mengubah tingkah laku mereka sejak dilahirkan (Khadijah, 2007) dan berterusan sepanjang kehidupan yang seiring dengan tumbesaran dan peningkatan umur (Ismail, 2001). Teori pembelajaran behaviorisme begitu menumpukan perhatian ke atas aspek tingkah laku individu (Ee Ah Meng, 2002) yang boleh diperhatikan dan diukur (Salleh, 2008). Rangsangan adalah apa-apa sahaja tenaga yang menghasilkan gerak balas (Azhar, 2007) manakala gerak balas timbul dengan adanya rangsangan (Aishah, 2009) seperti seperti ucapan tahniah, bagus, baik, dan sebagainya dapat menimbulkan minat murid terhadap pembelajaran yang dijalankan. Menurut Abdul Ghani (2009), bahawa strategi pembelajaran yang bermakna akan menimbulkan rangsangan yang menyeronokkan , membuka minda dan berkesan. Sementara Atan Long (1984), bersetuju bahawa memberi ganjaran atau pujian yang membina dan positif akan meningkatkan nilai kesediaan murid dari aspek kognitif, fizikal, dan afektif. Manakala Mohd Salleh (2008) menyebut bahawa pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertatatertib serta optimum iaitu memanfaatkan kesemua komponan pembelajaran (Abdullah Sani, 2003) yang melibatkan murid secara peneguhan positif seperti memberikan sesuatu ganjaran dalam aktiviti, memberi motivasi dan pujian. Contohnya guru memberi kata-kata pujian selepas pelajar melakukan sesuatu kerja atau menjawab soalan (Ahmad Kilani, 2013). Sebagaimana Pavlov (1849-1936) bahawa setiap rangsangan akan menimbulkan gerak balas. Rangsangan adalah apa-apa sahaja tenaga yang mengasilkan gerak balas manakala gerak balas timbul dengan adanya rangsangan (Fadzlina, 2014). Semasa di dalam kelas ganjaran dan penyataan lisan seperti ucapan tahniah, bagus, baik, dan sebagainya dapat menimbulkan minat murid terhadap aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Untuk memotivasi murid secara berterusan, aktiviti seperti latih tubi atau kuiz dan sebagainya hendaklah disertakan dengan ganjaran sekurang-kurangnya ucapan tahniah atau bagus (Khadijah, 2007)

Penguasaan Jawi amat diutamakan di peringkat sekolah agama sejarah matlamat pendidikan Jabatan Agama Negeri Johor berdasarkan penulisan Jawi dan memartabatkan Jawi sepenuhnya (Md Som,

2013). Johor mengembangkan pendidikan Islam menerusi sekolah agama yang didirikan pada setiap penempatan orang Islam di setiap daerah iaitu menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan *standard* pengajaran dan pembelajaran (Kamarul, 2011). *Pendidikan sebagai wadah yang canggih dan dinamik bagi pembentukan insan kamil dan syamil secara padu dan seimbang berteraskan prinsip akidah, syariah dan akhlak bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak melalui proses ta'lim, tarbiyah dan ta'dib yang berterusan sebagai asas pelaksanaan tanggungjawab khalifah untuk mencapai hasanah di dunia dan akhirat* (Tajuk Johor, 2000:119). Penubuhan Tadika Agama Johor sebagai titik tolak usaha membangunkan pendidikan Jawi seawal usia kanak-kanak yang mendapat sambutan dari tahun ke tahun (Md Som, 2013; dan Kamarul, 2011). Namun didapati antara punca kemerosotan penguasaan Jawi dalam kajian Zurida (2002) adalah kurangnya minat dan kecenderungan murid terhadap Jawi sama ada penulisan atau pembacaan. Kajian Salmah (2010), mendapati kemerosotan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi bukan sahaja terkesan kepada murid sekolah aliran biasa, malah dalam kalangan murid sekolah agama juga tidak dikuasai dengan baik. Kajian Rosila (2007) pula mendapati 85% murid tidak dapat menulis Jawi dengan baik dan kajian juga mendapati murid yang lancar menulis adalah lebih baik pembacaan Jawi mereka. Kajian Ahmad Faisal dan Noralina (2009) mendapati pelbagai pendekatan memartabatkan Jawi di semua peringkat sebagai usaha mempertahankan keunggulannya daripada terus dipinggirkan terutama kepada generasi masa kini. Tanggungjawab memastikan keutuhan Jawi ke peringkat semua lapisan dan diaplikasikan dalam kehidupan menjamkan tindakan institusi pendidikan sebagai wadah bersesuaian terhadap usaha murni ini (Sayudi, 2002).

Sebagaimana Abdul Ghani (2009), menyatakan ibu bapa berperanan penting membina motivasi kendiri dan merangsang minda murid secara proaktif selain memastikan peningkatan jati diri yang konsisten. Arip (1998) dan Mohd Hairudin *et. el.*, (2011), menyokong bahawa proses pembentukan dan pembinaan kendiri murid diperolehi melalui motivasi dan inisiatif ibu bapa terutama dalam memastikan pendidikan yang progresif. Ibu bapa merupakan insan terdekat dengan murid-murid di rumah dengan masa yang lama bersama. Pendidikan awal seorang kanak-kanak adalah bermula dari rumah mereka (Salinah, 2003). Dalam mempelajari tulisan Jawi hendaklah bermula dari peringkat kanak-kanak supaya mereka tidak ketinggalan setanding dengan rakan sebaya mereka (Aris, 2000). Manakala analisa kajian Salmah (2010), juga mendapati 56% bersetuju bahawa ibu bapa tidak dapat menyediakan kemudahan sumber bacaan yang sesuai untuk anak-anak dalam penguasaan Jawi, sedangkan percambahan kendiri murid terhasil daripada kesungguhan ibu bapa memastikan keperluan jasmani, rohani dan fizikal dipenuhi (Rahim, 2011). Natijah kolaborasi yang bermasalah antara anak dengan ibu bapa akan menyukarkan minat penguasaan Jawi (Abd Rahman, 2008) antara impaknya kecinciran dalam pelajaran apabila tidak minat ke sekolah (Mohd Hairudin, 2011). Justeru didapati minat dan kecenderungan murid berkait rapat pembudayaan hadir ke sekolah (Salina, 2003) dengan membentuk sikap murid sentiasa mengambil inisiatif untuk berjaya. Sementara hubungan kekeluargaan harus menambah nilai positif kepada peningkatan penguasaan Jawi untuk kecemerlangan pendidikan sekolah agama (Md Som, 2013). Jelas menunjukkan bahawa peranan ibu bapa menjadi keutamaan bagi memenuhi peningkatan penguasaan Jawi dalam pembelajaran sehari-hari di sekolah agama (Kamaruddin, 2010). Murid yang datang daripada keluarga yang berada, kebanyakannya mempunyai kelengkapan yang cukup (Ahmad Faisal dan Noralina, 2009) namun sebaliknya murid yang datang dari keluarga sederhana akan menghadapi pelbagai kekurangan dan berharap kepada bantuan pihak lain (Muzni, 2010), tetapi mereka juga sentiasa berazam dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan ada yang mampu menandingi pelajar yang senang dan cukup keperluan (Mohd Salleh , 2008).

Manakala kepimpinan sekolah merupakan sebuah organisasi yang mendokong kejayaan dan peningkatan prestasi pendidikan murid di sekolah (Kamarul, 2012) dengan memastikan agenda pendidikan yang mapan (Mohd Salleh, 2008) seiring pembangunan sahsiah dan kemajuan negara (El-Muhannady dan Abd Halim, 1993). Kepimpinan sekolah oleh guru besar tidak lagi dianggap “*the only leader*” yang membuat keputusan penambahbaikan pencapaian prestasi pendidikan sekolah (Greenwood, 2011) malahan guru berganding bahu dalam usaha sedemikian khususnya kepada guru yang memegang jawatan di sekolah (Katzenmeyer & Moller, 2009; dan Lambert; 2003). Pendidikan Islam itu sendiri berperanan membentuk modal insan pelajar selain untuk meningkatkan peratusan kelulusan pelajar dalam peperiksaan awam (Fadzlina, 2014). Pencapaian prestasi pendidikan murid menjadi alat pengukur kecemerlangan bagi sebuah sekolah yang dikendalikan oleh kepimpinan sekolah yang berkesan dan berdaya saing (Kamarudin, 2010), yang menentukan kejayaan sekolah berdasarkan pencapaian akademik murid yang tinggi (Hussein, 2008; dan Day *et. al.*, 2009). Dengan itu, kepimpinan sekolah sewajarnya mampu mewujudkan iklim persekitaran sekolah yang kondusif dan lestari untuk melahirkan generasi yang unggul dan berwawasan (Ahmad Kilani, 2003). Justeru peranan semua pihak amat menambah nilai kepada peningkatan prestasi sekolah.

Harus diingat, terdapat dimensi yang sama penting iaitu kepimpinan guru di kelas yang mana keberkesanan pengajaran meningkatkan pencapaian akademik murid secara kompetitif (Yoshida, 2011) memandangkan sistem pendidikan negara telah memfokuskan kepimpinan pada setiap peringkat dan pencapaian akademik murid adalah ukuran hasil pendidikan di sekolah (Stronge *et. el.*, 2011). Oleh yang demikian, guru harus mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti mengadakan kuiz, aktiviti perbincangan dalam kumpulan, percambahan fikiran, permainan, bercerita, bernasyid dan sebagainya (Salinah, 2003). Selain itu, guru perlu menggunakan pelbagai alat mengajar, seperti menyampaikan pengajaran menggunakan alat bantu mengajar, melalui web, internet, carta dan sebagainya (Khadijah, 2007). Selaras kajian Siti Zahira (2011) bahawa kegagalan murid sering dilihat kerana sikap malas, tidak berminat, dan tiada tumpuan. Namun guru merupakan ‘role model’ memotivasi murid dalam pencapaian prestasi pendidikan di sekolah. Disokong oleh kajian Siti Aishah (2009) yang mendapati kekuatan murid mendalamai penulisan Jawi membabitkan kebolehan guru semasa pembelajaran iaitu tidak hanya menggunakan buku teks atau *chalk and talk*. Setiap pengajaran yang ingin dilaksanakan harus dirancang melalui penyediaan perancangan pengajaran dan latihan penulisan (Fadzlina, 2014). Kemuliaan guru diangkat pada pendidikan yang disampaikan kepada murid serta kehidupan masa depan yang cemerlang (Abdul Rahim, 2011). Jelasnya, prestasi guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas dapat dipamerkan dengan peningkatan pembelajaran murid berdasarkan akhlak, personaliti, keperibadian, kewibawaan, kesungguhan, kebijaksanaan menjalankan tugas sebagai guru yang ditonjolkan (Ajmain, 2014). Kepimpinan sekolah yang mendorong peningkatan penguasaan Jawi memperuntukkan persekitaran yang membangunkan kendiri dan jati diri murid-murid. Modul pembelajaran Jawi menyediakan bahan bacaan tambahan di sekolah dengan penggunaan kemudahan ICT sedia ada Bhasah, (2014).

## PERSOALAN KAJIAN

1. Meninjau keupayaan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama zon 2 Pasir Gudang
2. Mengkaji punca kemerosotan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama zon 2 Pasir Gudang.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian sebagai suatu langkah terbaik dalam merancang sebuah penyelidikan bagi menjamin kesahan, kebolehpercayaan dan kesimpulan yang didapati daripada data yang dikumpulkan (Adibah, 2013; Clifton dan Serlin, 2006). Kaedah bagi kajian ini berbentuk kuantitatif yang mengandungi responden sebanyak 100 orang guru dalam kalangan murid di sekolah rendah agama zon 2, Pasir Gudang. Kaedah ini dipilih bagi meninjau keupayaan penguasaan Jawi dan punca kemerosotan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama zon 2, Pasir Gudang. Responden atau persampelan yang dipilih adalah bersesuaian dengan kehendak kajian ini berdasarkan lokasi dan persempalan.

Borang soal selidik yang diedarkan terus kepada responden dan dibacakan kepada murid untuk dijawab selaras pemahaman murid dan memasuki proses pengumpulan data. Mohd Najib (2007) dan Patton (2002) menyatakan bahawa kaedah tinjauan soal selidik merupakan satu kaedah yang amat mudah, tepat dan cepat untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan sahaja. Menurut Mohd. Najib (2003), reka bentuk kajian yang bersifat kuantitatif merujuk kepada soalan apa dan berapa banyak pada bahagian objektif, selain penyelidik memutuskan persoalan kajian yang ditentukan menggunakan soalan yang khusus, mengumpulkan data yang boleh dikuantitatifkan responden serta menjalankan inkiri dalam bentuk yang difahami.

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan disebabkan penyelidik telah mengambil data dari responden yang telah ditetapkan pada masa tertentu sahaja yang bertujuan untuk mengetahui penguasaan membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah agama zon 2 Pasir Gudang. Memandangkan objektif kajian berfokus kepada mengetahui keupayaan membaca dan menulis Jawi dan punca yang menyebabkan kemerosotan penguasaan Jawi murid sekolah rendah agama, maka penyelidikan adalah berbentuk deskriptif iaitu merupakan satu tinjauan menggunakan borang soal selidik. Kaedah tinjauan sebagai pendekatan *deskriptif* yang sering digunakan secara meluas oleh para penyelidik bagi mengumpul data dan maklumat sampel dalam sesuatu populasi (Mohd Norazlen, 2011) yang mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang boleh memberi gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji (Sabitha, 2006). Menurut Mohd Najib (2003), penyelidikan deskriptif mempunyai matlamat untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai sesuatu fenomena yang sedang berlaku serta mencapai suatu kajian secara fakta dan tepat. Pengendalian kajian dilakukan oleh penyelidik dengan bantuan guru di sekolah lokasi kajian dalam mengagihkan set soal selidik kepada murid. Kajian ini melibatkan seramai 235 orang murid yang dikenalpasti bertepatan kajian, manakala 100 orang sebagai persampelan kajian. Menurut Mohd. Najib (1999) jumlah sampel yang sesuai adalah 30% dari jumlah keseluruhan populasi. Murid telah didedahkan dengan ejaan Jawi sejak dari bangku sekolah tadika lagi dan telah melalui kelas Celik Jawi di dalam darjah satu dan dua di dalam Program Memperkasakan Jawi di sekolah agama.

## INSTRUMEN KAJIAN

Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih sesuai serta dapat memenuhi kajian dengan kos yang berpatutan manakala alat kajian yang digunakan ialah kertas soal selidik yang diberikan kepada sampel yang dipilih. Soal selidik ini adalah satu alat yang penting bagi penyelidik kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai

pengkajian secara keseluruhannya. Set soal selidik merupakan hasil dari pengubahsuaian set soal selidik (Wardiah, 2003). Pengubahsuaian ini dilakukan dengan merujuk kepada objektif kajian.

#### Bahagian A : Keupayaan Penguasaan Jawi Penulisan dan Pembacaan

Bahagian ini mengandungi 10 item soalan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian tentang keupayaan kemahiran membaca dan menulis Jawi murid-murid darjah tiga. Ianya dibahagikan kepada dua kategori iaitu penguasaan Jawi penulisan dan pembacaan.

| Bil | Tema      | Nombor Item |
|-----|-----------|-------------|
| 1   | Pembacaan | 1,2,3,4,5   |
| 2   | Penulisan | 6,7,8,9,10  |

**Jadual 1:** Keupayaan Penguasaan Jawi Penulisan dan Pembacaan

#### Bahagian B : Punca Kemerosotan Penguasaan Jawi murid sekolah agama

Dalam bahagian ini mengandungi 15 item soalan bagi memberi jawapan kepada punca murid darjah tiga tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi. Bahagian dibahagikan kepada tiga kategori iaitu dari aspek minat, ibu bapa dan persekitaran sekolah.

| Bil | Tema                 | Nombor Item    |
|-----|----------------------|----------------|
| 1   | Minat                | 11,12,13,14,15 |
| 2   | Ibu Bapa             | 16,17,18,19,20 |
| 3   | Persekitaran Sekolah | 21,22,23,24,25 |

**Jadual 2 :** Punca Kemerosotan Penguasaan Jawi murid sekolah agama

Menurut Mohd Najib (2003), skala ini mengandungi lima skor yang perlu dijawab, skala Likert sangat popular dalam soal selidik kerana mudah ditadbir dan mempunyai format yang memudahkan data dianalisis. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science for Windows Version 15.0 (SPSS)* bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi serta tepat dan diterima untuk menyiapkan penganalisisan data. Tujuan dianalisis data ini adalah untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min untuk membuat rumusan, perbincangan ilmiah mengikut setiap item berpandukan kepada objektif kajian ini. Salmah (2010), mengatakan bahawa bagi tujuan menganalisis, penyelidik boleh mengkategorikan kembali 5 *point* skala Likert kepada tiga peringkat. Skor soalan yang digunakan dalam soal selidik ini adalah berbentuk normal. Skor ini bertujuan untuk mengelaskan setiap item kepada tahap-tahap tertentu seperti Jadual 3:

| Nilai Skor Min | Tahap     |
|----------------|-----------|
| 3.68 – 5.00    | Tinggi    |
| 2.34 – 2.67    | Sederhana |
| 1.00 – 2.33    | Rendah    |

**Jadual 3:** Pemeringkatan bagi Skala Likert

Keputusan dan rumusan yang akan dibincangkan berpandukan objektif kajian yang dijalankan. Menurut Mohd Najib (2003), kadang kala penyelidik menggunakan pelbagai pengiraan sendiri menggunakan teori dan formula sendiri yang menghasilkan kiraan indeks tersendiri merujuk kepada objektif kajian. Oleh itu, penyelidik telah mengkategorikan lima skala Likert kepada tiga peringkat

sebagai kiraan yang mudah dijelaskan. Ranimah (2003), dalam kajiannya menyebut bahawa dalam proses penganalisisan data penyelidik telah membahagikan pertimbangan setiap soalan kajian kepada tiga bahagian iaitu 1.00 hingga 2.33 untuk pertimbangan rendah, 2.34 hingga 3.67 bagi pertimbangan sederhana dan 3.68 hingga 5.00 untuk pertimbangan tinggi.

## PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

### Kebolehpercayaan Pengukuran

Instrumen kaji selidik yang mengandungi soalan perlu diukur kebolehpercayaan dengan menggunakan ujian *Alpha Cronbach*. Keputusan analisis pengukuran kebolehpercayaan akan dinilai mengikut kajian Krik (1984) dan Barbkie (1992) yang mana ujian yang berada pada nilai 0.90 adalah pada tahap sangat tinggi manakala 0.70 mencapai tahap tinggi kesahannya. Di sokong kajian oleh Mohamad (2013), Latip (2012); Ajmain (2012); Tahir et al. (2012) bahawa nilai *Alpha Cronbach* lebih baik pada nilai 0.90. Analisis keseluruhan data soal selidik memperolehi nilai *alpha cronbach* 0.954 iaitu menunjukkan pengukuran tahap kebolehpercayaan tertinggi serta menepati kehendak kajian ini

### Objektif Pertama : Keupayaan Penguasaan Jawi Penulisan dan Pembacaan

Terdapat 10 item yang dibina bagi mendapatkan keseluruhan item, penyelidik mengemukakan analisis pada bahagian ini dengan melibatkan taburan responden berdasarkan kekerapan (n), peratusan (%), dan min.

| Bil           | Soalan  | STS % | TS % | KS % | S %  | SS % | Min         |
|---------------|---|-------|------|------|------|------|-------------|
| 1             | Saya dapat menyambung huruf-huruf Jawi dengan baik.   | 12.0  | 32.0 | 40.0 | 8.0  | 8.0  | <b>2.68</b> |
| 2             | Saya akan menulis nota perhimpunan mingguan menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya.                                | 19.0  | 26.0 | 39.0 | 8.0  | 8.0  | <b>2.60</b> |
| 3             | Saya akan menggunakan tulisan Jawi apabila menulis kalimah zikrullah Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar.   | 21.0  | 28.0 | 39.0 | 8.0  | 4.0  | <b>2.46</b> |
| 4             | Saya boleh menulis 10 nama negeri-negeri di Malaysia menggunakan tulisan Jawi dalam masa 1 minit dengan baik.   | 34.0  | 40.0 | 18.0 | 4.0  | 4.0  | <b>2.04</b> |
| 5             | Saya selalu mendapat 80 markah dan ke atas untuk mata pelajaran tulisan Jawi dalam peperiksaan sekolah agama.   | 38.0  | 26.0 | 21.0 | 8.0  | 7.0  | <b>2.20</b> |
| 6             | Saya lancar membaca majalah bertulisan Jawi.  | 19.0  | 33.0 | 31.0 | 6.0  | 8.0  | <b>2.55</b> |
| 7             | Saya dapat menyebut 10 suku kata tertutup bertulisan Jawi dalam masa kurang 10 saat di dalam kelas dengan baik. | 28.0  | 36.0 | 24.0 | 5.0  | 7.0  | <b>2.27</b> |
| 8             | Saya sering membaca nota pesanan ibu bertulisan Jawi.   | 18.0  | 30.0 | 38.0 | 6.0  | 8.0  | <b>2.56</b> |
| 9             | Saya sering mendapat pujian guru kelas kerana mahir membaca Jawi.   | 30.0  | 47.0 | 21.0 | 1.0  | 1.0  | <b>1.96</b> |
| 10            | Papan tanda dan iklan yang bertulisan Jawi menarik minat saya untuk membacanya.                                 | 20.0  | 29.0 | 27.0 | 11.0 | 13.0 | <b>2.68</b> |
| <b>JUMLAH</b> |   |       |      |      |      |      | <b>2.30</b> |

**Jadual 4 :** Taburan Analisis Peratusan Dan Min Keseluruhan Item Soal Selidik Mengenai Keupayaan Penguasaan Penulisan dan Pembacaan.

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa kebanyakkan responden kurang setuju dapat menyambung huruf-huruf Jawi dengan baik dengan min yang paling tinggi iaitu min 2.68 serta tidak

setuju terhadap minat membaca papan tanda dan iklan bertulisan Jawi dengan jumlah min 2.68. Manakala min yang paling rendah ialah min 1.96 yang menunjukkan responden tidak setuju bahawa mereka mahir membaca Jawi dan mendapat pujian guru di kelas. Jumlah keseluruhan nilai min bagi keupayaan penguasaan Jawi dalam kalangan murid darjah tiga adalah 2.30.

| Bil Item           | Penguasaan Jawi | Min  | Tahap Nilai Skor Min |
|--------------------|-----------------|------|----------------------|
| 1, 2, 3, 4, dan 5  | Penulisan       | 2.39 | Sederhana            |
| 6, 7, 8, 9, dan 10 | Pembacaan       | 2.40 | Sederhana            |

**Jadual 5 : Kesimpulan Yang Diperolehi Daripada Keupayaan Penguasaan Jawi Penulisan dan Pembacaan.**

Jadual 5 merupakan kesimpulan jumlah keseluruhan bagi keupayaan penguasaan membaca dan menulis Jawi murid darjah tiga. Keupayaan membaca responden lebih tinggi dengan nilai min 2.40 pada item 6,7,8,9, dan 10 iaitu berada pada tahap sederhana, manakala penguasaan menulis dengan nilai min 2.39 pada item 1,2,3,4, dan 5 juga pada tahap sederhana. Penyelidik mendapati 40.0% responden kurang setuju bahawa mereka dapat menyambung huruf-huruf Jawi dengan baik dengan nilai min tertinggi iaitu 2.68. Adalah sewajarnya murid-murid ini telah menguasai kemahiran menyambung huruf-huruf Jawi sebagai asas kepada kemahiran penulisan Jawi yang lain. Wan Atikah (2002) yang menyatakan bahawa punca kelemahan pelajar dalam menguasai Jawi adalah kerana kurangnya minat terhadap tulisan Jawi atas faktor tidak fasih menyebut ejaan dan tidak difahami serta kesukaran mengenali bentuk ejaan dan sebagainya. Kajian Abd Rahman (2008), mendapati generasi kini tidak menunjukkan rasa sayang, bertanggungjawab, atau terkilan sekiranya khazanah tulisan Jawi berlalu dan hilang begitu sahaja. Selaras Muzni (1995) yang menegaskan sebagai langkah berkesan murid menguasai penulisan Jawi dengan baik seperti mengenali huruf Jawi, menyambung suku kata, menulis Jawi sewajarnya dilakukan sejak peringkat rendah secara bersepada dan kolektif. Manakala Atiah (2003) dan Muzni (1995), bahawa tiada cara mudah belajar menulis selain berulang-ulang kali memperbaiki penulisan dan menjadikan penulisan sebagai rutin yang efektif.

Nurhazrin (2003) menyokong bahawa tahap penguasaan pelajar yang paling lemah dalam penguasaan Jawi ini adalah aspek penulisan. Kemampuan penulisan Jawi hanya terbatas dalam pembelajaran dan pengawasan guru kelas iaitu berkaitan dengan pelajaran yang dipelajari sahaja Wardiah (2003). Oleh itu, penguasaan penulisan lebih berkesan dengan melazim kebiasaan murid secara konsisten. Tajul Ariffin (2007) menyatakan bahawa murid cemerlang adalah yang aktif, bertanggung jawab dan sentiasa melibatkan diri dalam suasana pembelajaran secara maksimum di dalam kelas. Mohd Hairudin *et.al* (2012), bahawa pendidikan ialah suatu proses menyemai sesuatu perkara yang mempunyai tiga elemen iaitu proses pendidikan, kandungan ilmu pengetahuan, dan penerimaan oleh murid. Ahmad Kilani (2013), bahawa penumpuan dan perhatian merupakan faktor utama di dalam proses pembelajaran bagi memperolehi ilmu pengetahuan sebagai usaha mendapatkan maklumat yang disampaikan oleh guru di dalam kelas. Maka, penting bagi seseorang murid melakukan paradigma kendiri bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca secara maksimum dan berterusan.

Manakala seramai 38.0% adalah kurang setuju menyatakan bahawa mereka sering membaca nota pesanan ibu bertulisan Jawi dengan nilai min adalah 2.56. Menurut Ee Ah Meng (2002), bahawa pembelajaran ialah suatu aktiviti yang dilakukan mengikut perjalanan kehidupan seseorang. Pembelajaran juga berlaku secara sedar dalam keadaan formal dan secara tidak langsung melalui

pengalaman Wan Atika Mahmud (2002). Untuk tujuan peningkatan penguasaan membaca jawi, seharusnya peranan ibu bapa digerakkan bagi menghubungkaitkan perubahan dan mengembangkan potensi murid kepada kemahiran yang menyeluruh Muzni (1995). Analisis kajian mendapati penguasaan penulisan Jawi dapat disempurnakan dengan kesepadan secara kolektif dari pihak ibu bapa sebagai pemangkin utama dalam memenuhi kemahiran Jawi murid. Banyak kaedah dan pendekatan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa selain menyediakan ruangan nota pesanan untuk anak-anak seperti melabelkan nama bertulisan Jawi, mewujudkan sudut bacaan Jawi, dan melestarikan penggunaan tulisan Jawi secara berterusan (Khadijah, 2007). Skinner (1904 – 1990), dalam teori behaviorisme mengatakan bahawa di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah perlu bagi guru memberikan peneguhan positif kepada pelajar secara bersistematik. Setiap gerak balas yang dihasilkan dengan rangsangan perlu dikukuhkan untuk membentuk pelaziman dengan latihan yang berulang-ulang Yaakub Isa (1996) dan Shok Mee (1995). Guru-guru hendaklah memberi galakan semaksimumnya kepada tahap kecenderungan murid. Dorongan dari segi ucapan dan pujian hendaklah dilontarkan bagi setiap pencapaian murid walaupun sedikit agar mencapai keberkesan dan penambahbaikan sesi pengajaran yang berlaku di dalam kelas terutama berkaitan kemahiran Jawi penulisan dan pembacaan.

#### Objektif Kedua: Punca Kemerosotan Penguasaan Jawi Murid Sekolah Rendah Agama

Terdapat 15 item yang dibina berdasarkan persoalan kajian mengetahui punca kemerosotan Bagi mendapatkan keseluruhan item, penyelidik mengemukakan analisis pada bahagian ini dengan melibatkan taburan responden berdasarkan kekerapan ( $\pi$ ), peratusan (%), dan nilai min.

| Bil | Soalan  | STS % | TS % | KS % | S %  | SS % | Min         |
|-----|---|-------|------|------|------|------|-------------|
| 11  | Saya amat meminati pembelajaran menggunakan tulisan Jawi.   | 23.0  | 29.0 | 31.0 | 7.0  | 9.0  | <b>2.52</b> |
| 12  | Di waktu lapang saya sering melayari laman web interaktif Jawi.                                       | 21.0  | 28.0 | 32.0 | 11.0 | 8.0  | <b>2.57</b> |
| 13  | Hobi saya adalah membaca buku cerita kisah nabi-nabi yang bertulisan Jawi.                            | 20.0  | 34.0 | 29.0 | 7.0  | 10.0 | <b>2.53</b> |
| 14  | Pembelajaran menggunakan tulisan Jawi di sekolah agama amat mencabar saya.                            | 24.0  | 34.0 | 32.0 | 10.0 | 4.0  | <b>2.40</b> |
| 15  | Saya mengamalkan bacaan doa harian bertulisan Jawi.   | 23.0  | 33.0 | 30.0 | 8.0  | 6.0  | <b>2.41</b> |
| 16  | Saya mahir menggunakan Jawi kerana dorongan kuat daripada ibu bapa.                                   | 17.0  | 29.0 | 37.0 | 11.0 | 6.0  | <b>2.60</b> |
| 17  | Setiap minggu ibu membelikan buku cerita Jawi untuk saya.   | 37.0  | 31.0 | 21.0 | 6.0  | 5.0  | <b>2.11</b> |
| 18  | Ibu bapa sebagai sumber inspirasi kerana mereka amat lancar membaca Jawi.                             | 20.0  | 29.0 | 32.0 | 8.0  | 11.0 | <b>2.61</b> |
| 19  | Terdapat banyak papan tanda jalan yang menggunakan tulisan Jawi bagi peningkatan kemahiran Jawi saya. | 27.0  | 36.0 | 18.0 | 11.0 | 7.0  | <b>2.41</b> |
| 20  | Dorongan dan bantuan keluarga dalam penguasaan Jawi amat membantu saya.                               | 23.0  | 26.0 | 38.0 | 5.0  | 8.0  | <b>2.49</b> |
| 21  | Guru akan membetulkan ejaan di dalam buku latihan saya jika terdapat kesalahan ejaan.                 | 37.0  | 35.0 | 22.0 | 4.0  | 2.0  | <b>1.99</b> |
| 22  | Saya menggunakan penulisan Jawi sejak di sekolah tadika lagi.   | 27.0  | 28.0 | 31.0 | 7.0  | 7.0  | <b>2.39</b> |
| 23  | Guru sentiasa menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar untuk penguasaan Jawi.                        | 25.0  | 31.0 | 27.0 | 10.0 | 7.0  | <b>2.43</b> |
| 24  | Saya mendapat bimbingan guru yang mahir menggunakan tulisan Jawi di sekolah.                          | 21.0  | 31.0 | 37.0 | 5.0  | 6.0  | <b>2.44</b> |
| 25  | Perpustakaan di sekolah mempunyai banyak majalah Jawi yang menarik minat saya.                        | 29.0  | 24.0 | 34.0 | 8.0  | 9.0  | <b>2.36</b> |

**Jadual 6 :** Taburan Analisis Peratusan Dan Min Keseluruhan Item Soal Selidik Mengenai Punca Kemerosotan Penguasaan Jawi

Berdasarkan Jadual 6, nilai min keseluruhan responden yang dikaji berkaitan punca murid darjah tiga tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi ialah 2.41. Hasil analisis mendapati bahawa punca kemerosotan penguasaan Jawi berkaitan dengan minat murid, peranan ibu bapa, dan persekitaran sekolah yang diperincikan bagi menganalisis secara keseluruhan kajian ini. Seramai 31.0% responden kurang setuju bahawa mereka amat meminati pembelajaran menggunakan tulisan Jawi dengan nilai min 2.52. Menurut Mohd Salleh (2008), bahawa murid yang mempunyai hala tuju dan kesedaran serta minat mendalam dalam pembelajaran yang dihadapi akan menjadi lebih berkesan dan kekal bagi diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Siti Aishah (2009) menyokong bahawa pelajar boleh menguasai Jawi sepenuhnya apabila mereka sendiri sedaya upaya memperkuatkan azam dan minat mereka untuk mempelajari Jawi, maka lahirlah momentum mewujudkan rasa cintakan warisan bangsa yang amat dibanggakan. Menurut Azhar (2007), mengatakan bahawa murid yang berjaya kebiasaannya akan berusaha lebih, rajin belajar mengikut ketetapan waktu, sering banyak membina persoalan dan pertanyaan, dan yang utama adalah tidak membuang masa kepada perkara yang tidak bermanfaat. Siti Zahira (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa sikap memainkan peranan penting untuk seseorang mencapai kejayaan di dalam bidang atau perkara yang diusahakan.

Analisis kajian ini disokong oleh kajian Salmah (2010) yang secara keseluruhan mendapati bahawa penguasaan pembacaan Jawi lebih mendahului penguasaan penulisan Jawi. Waima murid yang lemah, sekiranya mereka menghadapi kesukaran membaca Jawi lalu dijadikan hobi sehari-hari mereka dengan membaca pelbagai bahan bacaan akan meningkatkan keupayaan kemahiran membaca dan seterusnya menulis hingga ke tahap memberangsangkan.

Seramai 37.0% responden yang kurang setuju terhadap pernyataan bahawa mereka mahir menggunakan tulisan jawi kerana dorongan kuat daripada ibu bapa. Menurut Mohd Hairudin (2011), mengatakan bahawa faktor persekitaran yang merangkumi elemen manusia seperti ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya, masyarakat serta elemen media dalam pelbagai bentuk yang diterima oleh seseorang dalam kehidupannya amat penting dalam mendorong perlakuan positif. Konsep ini amat membantu menghindari punca murid tidak dapat menguasai membaca dan menulis Jawi. Secara langsung didapati juga 37.0% responden yang sangat tidak setuju menyatakan bahawa setiap minggu ibu akan membelikan buku cerita bertulisan Jawi dengan nilai min 2.11. Penyediaan bahan bacaan adalah menjadi sumber penting dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi. Analisis kajian ini disokong oleh Wan Atikah (2002) dalam kajiannya menyatakan bahawa penyediaan bahan bacaan Jawi seperti akhbar, komik, novel dan sebagainya adalah penting bagi ibu bapa, terutamanya ketika di rumah bagi memanfaatkan masa terluang murid. Salmah (2010); Mohd Arip (1998); dan Wan Tikah (2002) menegaskan galakan dan percambahan kendiri murid-murid berhasil dari inisiatif ibu bapa mengembangkan usaha dan tenaga ke arah memajukan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Mohd Hairudin *et.al* (2011), menyatakan bahawa faktor yang paling utama dalam proses pembentukan dan pembinaan kendiri murid adalah peranan ibu bapa di rumah. Ibu bapa perlu memberi ruang dan peluang untuk murid melibatkan diri dengan persekolahan di Sekolah Tadika Agama Johor sebagai asas penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah agama.

Seramai 34.0% responden yang menyatakan kurang setuju bahawa perpustakaan di sekolah mempunyai banyak majalah bertulisan Jawi yang menarik minat mereka. Persekutaran dan sekolah perlu menyediakan bahan bacaan yang berkaitan secukupnya bukan sekadar '*melepas batuk di tangga*'. Penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi adalah menuntut usaha pengurusan sekolah merealisasikan dan memartabatkan keutuhan tulisan Jawi secara mapan. Menurut Azhar (2007), bahawa peranan buku adalah penting dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran murid. Manakala penggunaan sumber teknologi memberi wadah yang amat cepat dan mudah dalam menarik minat murid bagi mengaplikasikan penguasaan Jawi mereka. Amat merugikan sekiranya mereka tidak menjadikan kecanggihan teknologi sebagai sumber pencapaian tertinggi dalam penguasaan Jawi serta mengenepikan membaca buku ilmiah yang bertulisan Jawi sebagai hobi mereka. Kandungan buku yang bermanfaat serta sebagai bahan ilmiah adalah dikehendaki bagi meningkatkan penguasaan Jawi murid.

Kamarul Azmi (2007), menegaskan bahawa bantu mengajar amat penting kepada guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang amat berkesan bagi memastikan pengajarannya dapat berjalan dengan lancar serta menarik minat pelajar dan juga mengekalkan daya ingatan terhadap pengajaran yang disampaikan. Sesungguhnya punca kemerosotan penguasaan Jawi dapat dibendung jika pengurusan sekolah menyediakan tenaga pengajar berkemahiran dan memaksimumkan penggunaan bantu mengajar di dalam kelas. Analisis kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Wan Atikah (2002) yang mendapati bahawa kekurangan bahan bacaan bertulian Jawi lebih menjadi punca berkurangnya minat murid terhadap peningkatan penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi seperti yang diharapkan. Kamarul Azmi *et.al* (2007), menyebut bahawa pengurusan sekolah berperanan melatih murid dalam bentuk intelektual atau manipulatif dan mengukuhkan segala kemahiran dalam membina budaya berfikir. Guru adalah agen yang berperanan sebagai pendorong dan penggalak kepada muridnya. Tajul Arifin *et.al* (2007), menyatakan bahawa murid perlu membekalkan diri dengan keperluan ketahanan diri yang mengabungkan kemahiran sosial bermasyarakat di institusi masjid, berfikiran kreatif dan kritikal, serta menunjukkan tingkah laku bermanfaat. Dengan langkah ini, kemerosotan penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi dapat dielakkan. Selaras Salinah (2003) menyebut bahawa pembentukan kendiri pelajar dalam hal menterjemahkan sahsiah dan berketrampilan terhadap kecintaan tulisan Jawi adalah melalui anjakan paradigma ke arah memajukan diri hingga tahap yang lebih mantap dengan pengamalan apa yang dipelajari, difahami serta dikuasai. Hal ini seharusnya berlaku dalam usaha memartabatkan penggunaan tulisan Jawi kepada generasi kini dan akan datang. Pengurusan sekolah hendaklah mendahului peranan dalam usaha meningkatkan penguasaan Jawi kepada seluruh murid di sekolah agama.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan, hasil dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi berada pada tahap sederhana dan memperlihatkan penguasaan pembacaan mendahului penulisan. Pepatah Melayu ada menyebutkan '*Kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya*', maka analisis kajian menunjukkan bahawa penguasaan Jawi perlu dimulakan sejak awal kanak-kanak dan dilazimi oleh semua pihak terlibat iaitu murid, ibu bapa, dan pengurusan atau kepimpinan sekolah. Selaras dengan kajian Wan Tikah (2002) bahawa keluarga atau ibu bapa amat berperanan dalam usaha memartabatkan keunggulan tulisan Jawi sejak awal kanak-kanak, sebagai momentum memelihara warisan ketamadunan Melayu yang bercorak Islam di Malaysia. Manakala kepimpinan sekolah hendaklah sentiasa memantau dan memastikan keberkesanannya pengajaran dengan

memberi latih tubi dan pencerapan buku tulis murid-murid (Kamarul, 2011). Manakala guru adalah agen perubahan yang membolehkan pendidikan mempunyai peluang yang lebih baik dalam memastikan setiap pelajar mempunyai guru yang berkualiti tinggi (Sparks, 2003). Norasikin (2015) menegaskan bahawa guru yang berkepimpinan sentiasa bersedia menjalankan tanggungjawab dan tugas serta bertindak mengikut matlamat yang hendak dicapai dengan sendirinya. Sementara penerapan minat dan kecenderungan murid terhadap Jawi dicorak sejak awal persekolahan. Sebagaimana kajian Ahmad Faisal dan Noralina (2009) bahawa dorongan kendiri merupakan sikap positif dalam diri murid yang mempunyai inisiatif memajukan diri. Kemerosotan penguasaan Jawi meruntun perubahan dan langkah penambahbaikan yang konsisten dan dinamik.

Peranan yang diberikan secara langsung membantu meningkatkan mutu pendidikan secara kolektif dan mencambahkan nilai keutuhan tulisan Jawi sebagai warisan bangsa yang terunggul (Ahmad Marzuki, 2013). Kepimpinan sekolah yang mengamalkan pembudayaan ilmu sering mengutamakan aspek pembinaan insan dengan menyediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran serta tenaga pengajar yang berkemahiran juga kompeten. Kepimpinan sekolah sebagai proses mempengaruhi perubahan amalan pengikutnya untuk memenuhi matlamat pendidikan (Suhana *et. al.*, 2015) sebagai institusi pembinaan modal insan yang berkesan (Hussein Mahmood, 2008; Ciulla, 2004). Jelasnya, peningkatan penguasaan penulisan dan pembacaan Jawi diterjemahkan melalui kepimpinan sekolah yang berkesan dan berdaya saing seiring perubahan masa dan corak pendidikan masa kini.

## RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Abd Rahman Hamzah (2008). Khat dan Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Halim El-Muhammady, (1995). *Pendidikan Islam Di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Islam.
- Ahmad Marzuki Mohamad (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Ajmain @ Jimaa'in Safar, Ahmad Marzuki Mohamad, dan Wan Hassan Wan Embong (2014). *Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains dan Teknologi*. International Seminar on Islamic Law, Economic, Education, and Science Issues. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, 26, November
- Azhar Wahid (2007). *Sosiologi dan Falsafah Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).
- Ee Ah Meng (2002) *Psikologi III*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.

Foster, R. (2004). *Leadership and Secondary School Improvement: Case Studies of Tension and Possibilities.* International Journal of Leadership in Education.

Hashim Musa (2006) *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamarul Azmi Jasmi dan Mahussain Mohd Zain (2010). *Instituti Sosial dalam Institusi-Institusi Islam.* Fakulti Tamadun Islam (FTI), Universiti Teknologi Malaysia

Kamaruddin Husin (1986) *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.* Selangor: Penerbit Sarjana (M) Sdn Bhd.

Kang Kyoung Seock (1990) *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khadijah Rohani Mohd Yunus (2007). *Psikologi Pendidikan.* Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia (OUM).

Md Som Sujimon (2013). *Memperkasa Sistem Darjah Khas Agama Negeri Johor:* Satu Gagasan Baru, Johor Bahru; UTHM.

Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005). *Peradaban Melayu,* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh Lebar (2008) *Pengajaran dan pembelajaran.* Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM)

Nik Rosila Nik Yaacob (2007) Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Jurnal Pendidikan. Jilid 22.

Noh Gadot (2013) *Memperkasa Sistem Darjah Khas Agama Negeri Johor: Satu Gagasan Baru.* Multaqa Ulama Negeri Johor ke -3.

Norashikin Abu bakar, Ramli Basri (2015). *Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar.* International Journal of Education and Traning (injet) Fakulti Pengajian Pendidikan: Selangor: Jabatan Asas Pendidikan.

Saifullah Mohd Sawi (2009) *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara.* Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.

Salmah Ismail (2010). *Kemahiran Tulisan jawi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.* Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.

Siti Zahira (2006). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tulisan Jawi Pelajar Tabun 6 Sekolah Agama Batu Pahat:* Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.

Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad, Siti Salwa Sawari, Aimi Anuar, dan Samsudin Abd Hamid (2015). *Elemen Syura Dalam Kepimpinan Organisasi Pendidikan Sebagai Asas Kehidupan Yang Syumul serta Dorongan Komitmen Kerja Yang Kompeten.* . Kertas kerja prosidding International Conference on Da'wah (ICod 2015) bertarikh 15 November : Garuda Plaza Hotel Medan -Indonesia.

Tajul Arifin Nordin (2007). *Membina Pelajar Cemerlang Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat.* Skudai; Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Zurida Ismail (2002). *Pandangan Pelajar Terhadap Alam Persekolahan dan Pembelajaran.* Pusat Pendidikan Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.